



TALKING POINTS

LAWATAN KERJA YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYAMPAIAN WATIKAH MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP) LABUAN SESI 2020/2021

7 JUN 2020 (AHAD) / 3:00 PETANG

1. MPPWP Labuan

- MPPWP Labuan merupakan salah satu zon daripada 13 zon di Wilayah Persekutuan yang dibahagikan berdasarkan Parlimen sediaada.
- Dalam pentadbiran baharu yang akan diperkenalkan, terdapat 5 sub-zon di bawah MPPWP Zon Labuan yang mana sebelum ini 3 sub-zon sahaja.
- Sub-Zon 1 melibatkan kawasan :-
 - Pusat Bandar
 - Kampung Gersik/Saguking
 - Kampung Batu Arang
 - Kampung Pantai
- Sub-Zon 2 melibatkan kawasan :-
 - Kampung Ranca-Ranca
 - Kampung Patau-Patau 1
 - Kampung Patau-Patau 2
 - Kampung Sungai Keling
 - Kampung Sungai Bangat
 - Kampung Bukit Kallam
- Sub Zon-3 melibatkan kawasan :-
 - Kampung Belukut
 - Kampung Bebuloh
 - Kampung Sungai Miri/Pagar
 - Kampung Sungai Lada
 - Kampung Sungai Buton
 - Kampung Sungai Bedaun

- Sub-Zon 4 melibatkan kawasan :-
 - Kampung Sungai Labu
 - Kampung Layang-Layangan
 - Kampung Kilan/Pulau Akar
 - Kampung Pohon Batu
 - Kampung Batu Manikar
 - Kampung Lubok Temiang
 - Kampung Ganggarak

- Sub-Zon 5 melibatkan kawasan :-
 - Kampung Durian Tunjong
 - Kampung Kerupang/Nagalang
 - Kampung Lajau
 - Kampung Tanjung Aru
 - Kampung Bukit Kuda

2. Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP)

- Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) adalah satu entiti yang diwujudkan secara pentadbiran dan dianggotai oleh masyarakat setempat.

- Struktur komuniti ini bertujuan membantu kecekapan penyampaian perkhidmatan secara berterusan di samping melaksanakan program-program kemasyarakatan dan modal insan di kawasan pentadbiran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

- Majlis ini juga turut berperanan dalam menentukan keperluan dan penyertaan penduduk setempat dalam pembangunan, perpaduan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup di bandar.

3. Objektif MPPWP

- Memastikan semua aktiviti modal insan dan kemasyarakatan dilaksanakan ke peringkat akar umbi.
- Mewujudkan struktur komuniti Wilayah Persekutuan yang mampu mengawal selia masyarakat setempat (*self-governance community*).

- Menggalakkan penyertaan awam dan penduduk setempat dalam pengurusan dan pembangunan Wilayah Persekutuan.
- Membantu memastikan isu-isu perbandaran ditangani segera dan seterusnya meningkatkan penyampaian perkhidmatan PBT.

4. Fungsi MPPWP

- Menyelaras pelaksanaan dasar, strategi dan isu-isu berkaitan pembangunan komuniti.
- Meningkatkan perpaduan di kalangan masyarakat bandar melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.
- Mengesyorkan program dan aktiviti bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat di Wilayah Persekutuan.
- Menyalurkan maklumat, maklumbalas, aduan, masalah, permintaan atau keperluan penduduk dari peringkat akar umbi kepada Kementerian dan PBT.

5. Penutup

- Tahniah atas perlantikan semua MPPWP Labuan bagi sesi 2020/2021.
- Semua yang telah dilantik diharap mampu melaksanakan tanggungjawab serta memberi perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti kepada masyarakat setempat demi merealisasikan komuniti inklusif di Wilayah Persekutuan agar menjadi lebih maju dan sejahtera.
- Juga menyokong dan membantu Perbadanan Labuan memacu pembangunan serta kemajuan pulau ini. Diharapkan dapat memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya.